



PENDAFTAR

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597 (07/18)
Tarikh : 27 April 2018
// Syaaban 1439H

SPP UPSI BIL. 7 TAHUN 2018

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA HARI MENGUNDI BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-14

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang telah sedia maklum, Pilihan Raya Umum Ke-14 akan diadakan pada 9 Mei 2018. Sehubungan itu, kerajaan melalui Kenyataan Media Pejabat Perdana Menteri bertarikh 11 April 2018 telah menetapkan hari tersebut sebagai Hari Kelepasan Am tambahan seluruh negara bagi membolehkan semua rakyat Malaysia menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi. Pengisytiharan cuti umum ini dibuat berdasarkan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan masing-masing.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

'UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN'

Yang benar,

(DR. HJH. ZAINAB OTHMAN)

Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)